

Nama:.....

Tarikh:.....

### **Asas Perkhemahan**

#### Latihan

Arahan: Gariskan pada jawapan yang betul.

1. Tempat perlindungan sementara yang selamat dan mempunyai kemudahan yang minima. *Penyataan diatas merujuk kepada maksud:*
  - A) Rumah
  - B) Kedai
  - C) Khemah
  - D) Kereta
2. Mengapa khemah moden lebih sesuai pada masa sekarang
  - A) Sangat tebal dan berat
  - B) Senang dibawa ke sana ke mari
  - C) Mudah koyak
  - D) Menggunakan satu tiang sahaja
3. Berkhemah merupakan kegiatan yang sangat menyeronokkan kerana dalam perkhemahan ahli- ahli perkhemahan dapat hidup dalam suasana semulajadi. Ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh
  - A) Lord Baden Powell
  - B) Shah Rukh Khan
  - C) James Watson
  - D) Kenny Rogers
4. Perkhemahan adalah salah satu daripada aktiviti
  - A) Hal Ehwal Murid
  - B) Remaja
  - C) Kokurikulum
  - D) Jiran Tetangga
5. Berikut adalah faedah daripada aktiviti perkhemahan **kecuali**
  - A) Meningkatkan ketahanan mental dan fizikal
  - B) Membentuk disiplin yang mantap dalam diri peserta
  - C) Membentuk jati diri dan sahsiah peserta.
  - D) Membentuk sikap dan perilaku yang buruk

6. Jawapan dibawah merupakan perkara asas untuk memilih lokasi perkhemahan kecuali:
- A) da sumber air berhampiran
  - B) Tapak yang lebih tinggi dari punca air
  - C) Mempunyai liputan talian internet yang laju
  - D) Mudah dapatkan bantuan
7. Antara larangan semasa aktiviti perkheman dijalankan ialah
- A) menjalinkan silaturahim, kenal- mengenali sesama peserta
  - B) menghadirkan diri dan menepati masa dalam setiap program
  - C) merokok di dalam kawasan perkhemahan
  - D) solat berjemaah di surau pada waktu yang ditetapkan
8. Api sangat penting semasa perkhemahan. Ia berfungsi untuk:
- A) Membekalkan cahaya, memanaskan suhu badan, dan memasak
  - B) Membakar sampah dan mengeringkan baju.
  - C) Mendinginkan Kawasan perkhemahan
  - D) Dijadikan permainan dan hiburan semasa berkhemah
9. Berikut perkara yang perlu dihindari sewaktu perkhemahan, **kecuali**
- A) Jangan mendirikan khemah di puncak gunung atau bukit
  - B) Rehat & tidur mestilah cukup
  - C) Tidak didirikan di bawah pokok ataupun dahan yang besar
  - D) Tidak didirikan dilaluan air, binatang(denai), ataupun manusia
10. Pernyataan manakah yang bukan etika semasa berkhemah
- A) Jangan buat kekotoran.
  - B) Menghormati adat resam orang tempatan
  - C) Mencuri harta kepunyaan peserta lain
  - D) Jangan rosakkan alam semulajadi



Gambar 1

11. Berdasarkan gambar 1 di atas, apakah bentuk khemah tersebut
- A) Dome
  - B) Bukit
  - C) A shape
  - D) Igloo



Gambar 2


12. Apakah bentuk khemah berdasarkan kepada gambar 2 di atas
- A) Doom
  - B) Bukit
  - C) Igloo
  - D) A shape



Gambar 3

13. Apakah nama alatan tersebut berdasarkan gambar 3 di atas
- A) Jam randik
  - B) Jam tangan
  - C) Kompas
  - D) Kincir angin

14. Terdapat lima ikatan asas yang perlu diketahui Ketika berkhemah iaitu:
- A) Simpulan Buku Sila, Simpulan Bunga Kerti, Simpulan Tindih Kasih, Ikatan Manuk dan Ikatan Seraya
  - B) Simpulan Buku Sila, Simpulan Bahasa, Simpulan Pencuri, Ikatan Manuk dan Ikatan Yang Sah
  - C) Simpulan Hidup, Simpulan Longgar, Simpulan Tindih Kasih, Ikatan Mati dan Ikatan Silaturrahim
  - D) Simpulan Asas, Simpulan Bunga Kerti, Simpulan Goreng, Ikatan Ikan dan Ikatan Serong
15. Peralatan asas perkhemahan merangkumi:
- i. *Perkakasan Komputer*
  - ii. *Perkakasan Perkhemahan*
  - iii. *Perkakasan Am dan Barangan Persendirian*
  - iv. *Perkakasan Memasak*
- A) i, ii dan iii
  - B) i, ii dan iv
  - C) ii, iii dan iv
  - D) i, ii, iii dan iv



Gambar 4

16. Apakah jenis ikatan berdasarkan gambar 4 di atas
- A) Simpul buku sila
  - B) Simpul tindih kasih
  - C) Simpul bunga geti
  - D) Simpul manuk
17. Digunakan untuk menyambungkan 2 utas tali yang sama besar. Penyataan tersebut merujuk kepada jenis simpul
- A) Simpul manuk
  - B) Simpul buku sila
  - C) Simpul tindih kasih
  - D) Simpul himpit

18. Baerikut antara bahan hutan yang boleh digunakan untuk membuat gajet **kecuali**
- A) Dahan atau ranting kayu
  - B) Buluh
  - C) Rotan
  - D) Kertas
19. Antara ciri-ciri gajet yang baik ialah
- A) terlalu banyak menggunakan tali dan kayu
  - B) mudah roboh
  - C) kukuh dan menggunakan ikatan yang betul
  - D) ikatan yang longgar
20. Antara berikut adalah jenis-jenis gajet **kecuali**
- A) gajet ampaian pakaian
  - B) gajet pintu gerbang dan jambatan
  - C) gajet tiang bendera
  - D) gajet bilik darjah